

350 sukarelawan bantu mangsa banjir di Karak

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Januari 26, 2022 @ 1:05pm

bhnews@bh.com.my



Pengerusi Program Bantuan Sukarelawan Negeri Pahang , Datuk Wan Nor Raihan Wan Abdul Rahman dan Pengarah JKM Pahang, Zulkhairi Zainol Abidin (kanan) melihat antara barangan bantuan mangsa banjir di Karak, Bentong, semalam. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Seramai 350 sukarelawan daripada 10 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai Program Bantuan Sukarelawan Negeri Pahang membantu mangsa banjir di Karak, Bentong, semalam.

Program prihatin secara kolabarasasi itu turut membabitkan agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang, SWcorp dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang turut menyediakan bantuan.

Pengerusi penganjur, Datuk Wan Nor Raihan Wan Abdul Rahman, berkata program yang diadakan bertujuan membantu meringankan beban mangsa banjir di Karak.

Katanya, selain agihan pelbagai bantuan barangan disediakan NGO terbabit, aktiviti lain diadakan ialah membersihkan rumah, masjid dan surau yang ditenggelami banjir.

Beliau berkata, kehadiran penuntut pusat pengajian tinggi tempatan diharap dapat melancarkan lagi aktiviti berkenaan.

"Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negeri Pahang memberi sumbangan pakaian kanak-kanak, susu tepung, lampin pakai buang dan selimut. Hasil sumbangan orang ramai kita serahkan semula kepada mangsa banjir.

"Sumbangan wang tunai turut diberikan bagi meringankan beban mangsa yang kehilangan harta benda," katanya selepas majlis pelepasan konvoi berkenaan, di sini semalam. Yang turut hadir Pengarah JKM Pahang, Zulkhairi Zainol Abidin.

Wan Nor Raihan yang juga Timbalan Pengerusi PBSM Negeri Pahang berkata, sebelum ini banyak NGO di Pahang dan luar negeri ini tampil membantu mangsa banjir dengan menyediakan pelbagai bantuan.

Sementara itu, Zulkhairi berkata, JKM adalah rakan strategik program yang diadakan kali ini.

"Kita akan terus membantu dalam menjayakan program membabitkan mangsa banjir di negeri ini, sukarelawan dan kakitangan JKM turut sama membantu.

"Sokongan NGO seperti Pertubuhan Dapur Infaq yang menyediakan makanan menambahkan lagi misi bantuan mangsa banjir," katanya.